

# PRN12 dapat perhatian pada webinar anjuran Fakulti Ekologi Manusia UPM

**SIBU:** Pilihan Raya Negeri Ke-12 (PRN12) yang bakal diadakan di Sarawak mendapat perhatian dalam webinar anjuran Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada malam Rabu lalu.

Berjudul 'The Hornbill Dilemma: The Coming Sarawak Election,' seminar dalam talian itu menampilkan tiga tokoh anak Sarawak iaitu Profesor Dr James Chin, Profesor Dr Jayum Jawan dan Dr Nuurrianti Jalli.

Jayum, yang berasal dari Sibu dan merupakan profesor politik dan kerajaan di UPM berkata, Gabungan Parti Sarawak (GPS) tiada masalah untuk kembali berkuasa apabila PRN12 diadakan pada bila-bila masa dari sekarang.

Menurutnya, ini kerana GPS terdiri daripada gabungan yang mantap dan setiap komponen ada jentera yang meluas di peringkat akar umbi.

Namun demikian katanya, GPS mungkin akan kehilangan majoriti 2/3 seperti yang dimilikinya sekarang.

Pandangan beliau mengenai kebarangkalian GPS akan dipilih semula untuk memerintah Sarawak pada PRN12 nanti turut disokong oleh Chin.

Chin, yang berasal dari Kuching dan merupakan seorang profesor pengajian Asia di Universiti Tasmania, Australia berkata, GPS mungkin akan menang tetapi beliau menjangkakan gabungan itu akan hilang majoriti 2/3 kerana saingan hebat daripada pelbagai parti baharu khususnya Parti Sarawak Bersatu (PSB).

PSB yang dipimpin oleh Dato Sri Wong Soon Koh katanya, pantas menjelajah kawasan luar bandar dan sambutan dalam kalangan masyarakat Dayak amat memberangsangkan.

Mengenai kemungkinan GPS kehilangan majoriti 2/3,

Jayum berkata ia mungkin bukan sesuatu yang buruk kerana parti yang tidak memilik kuasa 2/3 atau lebih akan lebih mesra rakyat, kurang 'authoritarian' dan bertanggungjawab dalam politik dan pemerintahannya.

Chin turut menyenaraikan beberapa perkara penting berhubung isu PRN12 nanti, antaranya ia merupakan pilihan raya penting bagi Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg kerana ia pilihan raya pertama yang diketuai beliau dan perlu mendapat mandat sendiri untuk memimpin GPS dan Sarawak.

Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) juga akan menjadi isu penting bagi pihak GPS dan lawannya, tambahnya.

Moderator webinar itu ialah Nuurrianti yang berasal dari Miri dan penolong profesor di Northern State University, Dakota Selatan, Amerika Syarikat.